



KEMENTERIAN TENAGA DAN SUMBER ASLI

KERATAN SURAT KHABAR

SURAT KHABAR	:	HARIAN METRO			
TARIKH	:	31/12/2021 (JUMAAT)	MUKA SURAT	:	6
JABATAN	:	TNB			

Bekalan elektrik di 25 lokasi di Negeri Sembilan pulih

Seremban: Bekalan elektrik di 25 kawasan di Negeri Sembilan yang terjejas banjir, baru-baru ini sudah dipulihkan Tenaga Nasional Berhad (TNB).

Menteri Besar, Datuk Seri Aminuddin Harun berkata, hanya dua kawasan yang belum pulih sepenuhnya iaitu di Telapak Buruk dan Celcom Bukit Tinggi, Jebeu, dekat sini.

"Alhamdulillah, usaha memulihkan bekalan elektrik oleh TNB hampir selesai sepenuhnya dan difahamkan usaha sedang giat dijalankan bagi memastikan bekalan elektrik di kawasan terbabit dapat disalurkan secepat mungkin.

"Saya percaya dua kawasan lagi dapat diselesaikan dalam masa terdekat namun bergantung kepada akses dan keadaan setempat.



Dua kawasan lagi dapat diselesaikan dalam masa terdekat namun bergantung kepada akses dan keadaan setempat"

Aminuddin

"Terima kasih kepada pihak TNB khususnya pasukan teknikal yang berusaha dari awal lagi bagi memastikan bekalan dapat dipulihkan," katanya di sini, semalam.

Beliau turut mengingatkan kepada pengguna supaya sentiasa berwaspada ketika menggunakan peralatan elektrik terutama dalam situasi pasca banjir ini.

"Insya-Allah, kita berha-

rap bekalan elektrik kepada kawasan terjejas dapat dipulihkan segera," katanya.

Dalam pada itu, Aminuddin berkata, bilangan mangsa yang masih berada di pusat pemindahan sementara (PPS) terus menurun apabila hanya 36 individu dari 12 keluarga berada di dua PPS setakat ini, berbanding 43 individu daripada 14 keluarga kelmarin.

"Jumlah yang terus menurun ini menunjukkan keadaan di kawasan terjejas semakin baik, sekali gus membolehkan mangsa pulang ke rumah untuk menguruskan rumah masing-masing.

"Sama-samalah kita berdoa agar keadaan terus pulih serta kerja pembersihan banjir dapat berjalan dengan lancar," katanya.

HM 31.12.2021 6

